



Pemandangan udara menunjukkan kawasan banjir di Shangrao, wilayah Jiangxi.

(Foto AFP)

Banjir terbesar dalam tempoh sedekad ancam selatan China

Berita Harian 24/6/2020 (Page 47)

Beijing: Banjir besar mengatasi rekod melanda bahagian selatan China semalam berikutan hujan lebat mendorong air di delta Sungai Pearl naik ke paras tertinggi dalam tempoh seabad lalu.

Susulan itu, ratusan ribu penduduk dipindahkan dari wilayah paling teruk dilanda banjir termasuk Guangdong, iaitu hab pembuatan dan logistik yang menempatkan ibu kota teknologi China, Shenzhen.

Kementerian Sumber Air China kelmarin mengeluarkan amaran banjir tertingginya di lembangan Sungai Pearl dengan mengatakan paras air di satu lokasi 'melempi rekod sejarah' dan ibu kota wilayah Guangzhou bakal terjejas.

Imej dari bandar Shaoguan, utara Guangzhou yang dirakamkan kelmarin, menunjukkan penduduk melalui jalan utama yang dinaiki air, ketika air di beberapa kawasan mencecah paras bumbung kereta dan masih naik.

Banjir berlumpur menenggelamkan kedai dan bangunan, dengan orang ramai kelihatan sibuk membersihkan objek yang dibawa arus.

Delta Sungai Pearl yang rendah adalah punca kuasa ekonomi Guangzhou dan Shenzhen serta beberapa bandar yang lebih kecil tetapi berpenduduk padat, kerana menempatkan sektor pembuatan utama dan industri lain.

Pihak Berkuasa Pengurusan Kecemasan Wilayah, awal minggu ini memaklumkan kerugian ekonomi secara langsung dianggarkan sebanyak 1.7 bilion yuan (RM1.11 bilion).

Berdasarkan tahap amaran tertinggi, kawasan berisiko di Guangdong diarahkan mengambil semua langkah perlu termasuk menggantung operasi kilang dan menutup sekolah untuk meminimumkan kerosakan akibat banjir.

Wilayah lain di selatan China termasuk wilayah pantai Fujian dan Guangxi juga terjejas akibat hujan yang sangat lebat pada bulan ini, memaksa ratusan ribu orang berpindah.

Banjir musim panas adalah perkara biasa di beberapa bahagian di China, tetapi kali ini ia menjadi lebih melampau sejak beberapa tahun kebelakangan ini akibat perubahan iklim. AFP